



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**PEGAWAI EKONOMI (B.2 EB.3 / B.2)
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



PEGAWAI EKONOMI
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI
B.2 EB.3 (\$2,270 - \$4,240 EB KHAS \$4,360 - \$4,840 SEBULAN) /
B.2 (\$2,270 - \$3,760 EB KHAS \$3,880 - \$4,360 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)

KELAYAKAN MINIMUM:

1. **TANGGAGAJI B.2 EB.3:**

Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Dasar Awam / *Economic Development and Policy Analysis* / Ekonomi dan Dasar Am / Kewangan (*Finance*) / Matematik (*Mathematics*) / Perangkaan (*Statistics*) / Sains Aktuari (*Actuarial Science*) atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

2. **TANGGAGAJI B.2:**

a) *BDTVEC / BTEC* Diploma Tertinggi Kebangsaan (*HND*) atau sebanding dalam bidang Dasar Awam / *Economic Development and Policy Analysis* / Ekonomi dan Dasar Am / Kewangan (*Finance*) / Matematik (*Mathematics*) / Perangkaan (*Statistics*) / Sains Aktuari (*Actuarial Science*) atau bidang bersesuaian **dan** telah berkhidmat dengan Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.3 tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

b) Telah berkhidmat di Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik sebagai Penolong Pegawai Ekonomi atau jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.3 tidak kurang dari 7 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

c) Telah berkhidmat dengan Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.3 tidak kurang dari 9 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.



TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Berkhidmat di Jabatan Perancangan, ianya lebih kepada Pembangunan Ekonomi Negara iaitu memantau perkembangan, Pembangunan Ekonomi Negara sejajar kepada 3 matlamat Wawasan Brunei 2035 yang didokong oleh *Economic Blueprint*, Rancangan Kemajuan Negara (RKN), Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), Eksport Negara dan sebagainya;
2. Menyelidik, menganalisa dan memantau perkembangan makro dan sektoral ekonomi, khususnya perkembangan dan isu, berhubung seperti berikut:
 - Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK);
 - Inflasi;
 - Pedagangan Barangan;
 - Fiskal Kerajaan;
 - Sektor-Sektor perekonomian termasuk lima (05) sektor keutamaan iaitu; Sektor Hiliran Minyak dan Gas; Permakanan; Pelancongan; Infokomunikasi Teknologi (*ICT*); dan Perkhidmatan;
3. Menyediakan unjuran bagi perkembangan makro dan sektoral ekonomi;
4. Menyediakan laporan perkembangan pembangunan sosio-ekonomi negara secara makro dan sektoral;
5. Memantau dan menganalisa perkembangan *Brunei Darussalam's Economic Blueprint* termasuk penyediaan laporan pemantauan secara tahunan;
6. Membuat penyelidikan dan penilaian mengenai dengan impak dan hasil (*outcome*) projek-projek Rancangan Kemajuan Negara (RKN) kepada pembangunan sosio-ekonomi negara mengikut piawai antarabangsa (*international benchmark*) termasuk penyediaan laporan;
7. Menunjukkan sifat-sifat inovatif dan proaktif dalam melaksanakan tugas; dan
8. Melaksanakan dan menerima tugas / arahan daripada pegawai atasan dari semasa ke semasa.